

30 SEP 2000

Mahathir-Haji (Tanggungjawab)/I

SAYANGI SESAMA SAUDARA ISLAM, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia akan terus mengingatkan masyarakat Islam dunia mengenai pentingnya bersikap bertanggungjawab terhadap orang Islam yang lain.

Katanya ini perlu dilakukan kerana umat Islam sentiasa mencari alasan untuk bergaduh dan bermusuhan antara satu sama lain.

"Apa yang Malaysia telah cuba lakukan ialah mengingatkan diri kita bahawa kita adalah bersaudara, dan kita bertanggungjawab menyayangi saudara kita sendiri," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata disebabkan itulah Malaysia bersedia menghantar tentera ke Bosnia Herzegovina beberapa tahun lalu ketika wilayah Balkan dalam keadaan huru hara.

"Malaysia bersedia menghantar pasukan tentera kerana kita merasakan ia merupakan tanggungjawab kita yang perlu ditunaikan untuk saudara (Islam) kita," katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Panduan Haji pertama di sini.

Beliau diminta mengulas ucapannya terdahulu yang mengkritik umat Islam kerna berpecah dan sanggup berbunuhan sesama mereka.

Perdana Menteri berkata adalah amat menyedihkan kerana umat Islam umumnya percaya bahawa ajaran agama menghendaki mereka mengambil berat di antara satu sama lain tetapi pada hakikatnya ini tidak berlaku.

Menjawab soalan lain, beliau berkata orang ramai patut mengelak daripada membuat tafsiran mengenai Islam untuk kepentingan agenda sendiri.

"Masalahnya ialah terlalu ramai yang membuat tafsiran mengenai Islam untuk kepentingan sendiri dan mengelirukan umat Islam lain, menjurus mereka untuk bercakaran sesama sendiri," katanya.

Dr Mahathir berkata ulama patut membuat tafsiran yang betul mengenai ajaran Islam untuk mengelak timbul masalah.

Mengenai persidangan itu, Perdana Menteri yakin ia berguna dalam mencari kaedah untuk menerangkan mengenai kepentingan ibadah haji memandangkan ramai orang kini melakukannya semata-mata sebagai upacara agama.

Dr Mahathir yang ditanya pendapatnya mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan Arab Saudi semasa musim haji setiap tahun berkata sudah ada perubahan besar daripada masa beliau menunaikan haji pada 1974 berbanding 1999.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Arab Saudi kerana membenarkan rakyat Malaysia menunaikan haji dengan lancar tanpa menghadapi masalah besar.

Menurutnya Malaysia akan cuba menjadikannya lebih terkenal kepada dunia Arab termasuk mempromosikan negara ini sebagai destinasi pelancongan.

Perdana Menteri berkata laporan berita sesama mereka sukar diperolehi kerana Malaysia tidak mempunyai ramai koresponden di Asia Barat dan sebaliknya.

Di sesetengah bahagian di Afrika, katanya ada aturan khas untuk menggunakan Internet dalam bertukar-tukar berita mengenai Malaysia dan rantau itu.

-- BERNAMA

MAM MAM LAT RON